



TINJAUAN warga asing berniaga di tepi lot letak kereta di Pasar Borong Selayang Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM

# Bila nak selesai ini?

(20 FEBRUARI 2023) METRO, PG

**Peniaga Rohingya tetap berniaga biarpun diserbu pihak berkuasa**

Oleh Mohammad Khairil  
Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Walaupun berulang-kali diserbu sebelum ini, peniaga etnik Rohingya didapati masih tidak serik, malah kembali semula berniaga di Pasar Harian Selayang dan Pasar Borong Kuala Lumpur di sini.

Pesara kerajaan, Mohamad Saat, 79, berkata peniaga warga asing berkenaan dipercayai tidak takut kepada undang-undang di negara ini dan dilihat 'besar kepala' apabila kembali berniaga selepas diserbu pihak berkuasa.

Menurutnya, disebabkan pihak berkuasa seperti memberi 'peluang' menyebabkan peniaga etnik Rohingya terbabit semakin berleluasa menjalankan perniagaan.

"Kerajaan ambil tindakan sekejap sahaja. Dalam seminggu lepas itu tamat," katanya sambil menambah pemantauan oleh pihak berkuasa seharusnya dijalankan setiap hari.

Sebelum ini dilaporkan, beberapa lokasi kumpulan

peniaga warga asing diserbu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sekitar Jalan Selayang Baru, Pasar Harian Selayang dan sekitar kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur.

DBKL menerusi Jabatan Penguatkuasaannya melakukan kerjasama dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan khas terhadap aktiviti peniagaan kumpulan peniaga terbabit.

Mohamad yang menetap di Selayang selama 48 tahun berkata, dengan adanya pemantauan yang kerap oleh pihak berkuasa akan menyebabkan peniaga-peniaga terbabit akan berasa takut kerana menyedari aktiviti mereka diperhatikan.

"Sekarang, mereka sudah memonopoli perniagaan di kawasan ini. Siapa yang bagi mereka berniaga? Kita orang lama di sini (Selayang) rasa terancam. Sampai bila kita penduduk di sini nak jadi begitu?" katanya.

Peniaga Badrul Hisham Yatim, 64, pula menyifatkan kemunculan peniaga-peniaga warga asing berkenaan secara tidak langsung me-

nyusahkannya untuk bera-

"Kadang-kadang mereka meletakkan barang di kaki lima kedai saya. Kemudian apabila pihak berkuasa datang, mereka menyaman sa-

ya. "Padahal itu barang pe-

niaga Rohingya. Saya yang

jadi mangsa," katanya yang turut bersetuju agar pemanta

uan seharusnya dijalankan setiap hari di kawasan ini.

Katanya, sikap peniaga terbabit yang meletakkan barang merata-rata, mengakibatkan aliran lalu lintas juga tersokt.


"Orang nak lalu pun susah. Itu baru cerita pasal letak barang," katanya.

Peniaga lain Nora-  
zniyat Mohd Amin,  
46, pula berkata, kerajaan seharusnya menyediakan satu tempat agar peniaga etnik Ro-

hingya ini berniaga hanya untuk komuniti mereka sahaja.

Katanya, ini disebabkan hasil pemerhatian dilakukan mendapat peniaga terbabit menjual kepada kangan mereka sendiri.

"Kedai saya juga pernah dipecah masuk disebabkan mereka ini tidak mempunyai kerja. Jika mereka tidak mempunyai kerja, macam mana nak makan?" katanya.



**“Kerajaan ambil tindakan sekejap sahaja. Dalam seminggu lepas itu tamat**

**Mohamad Saat**